Purata harga simen, besi meningkat bulan lalu

Harga kebanyakan bahan mentah pembinaan menunjukkan peningkatan pada Mac 2024 berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata purata harga seunit simen meningkat 2.7 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sama tahun lalu pada pada RM22.41 bagi satu guni 50 kilogram (kg).
Beliau berkata, perbandingan

Beliau berkata, perbandingan bulanan bagi purata harga simen turut mencatatkan peningkatan kecil 0.2 peratus dengan purata harga RM23.01 bagi satu guni 50kg berbanding Februari 2024 pada RM22.97 bagi satu guni 50kg.

Sementara itu, katanya purata harga seunit besi terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon* 60 high tensile deformed bars naik 0.1 peratus kepada RM3,683.51 bagi setiap tan berbanding bulan sebelumnya pada RM3,679.54 satu

"Namun, tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi bahan binaan terpilih seperti keratan keluli dan logam, papan lapis, batu bata dan dinding serta bahan bumbung bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

"Perbandingan bulanan bagi simen turut Mohd Uzir Mahidin menunjukkan indeks

menunjukkan indeks harga seunit bahan ini kekal tidak berubah bagi hampir selat kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Mac 2024. "Namun, terdapat penurunan kecil 0.3 peratus bagi indeks harga seunit bahan ini di

ga seunit bahan ini di Terengganu dan Kelantan.

"Indeks harga seunit besi juga kekal bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Mac 2024 berbanding Februari 2024," katanya dalam satu kenyataan diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalan.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, per-

Mond Uzir berkata, perbandingan tahunan untuk tempoh Mac 2023 hingga Mac 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.9 hingga 7.7 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

Namun, beliau berkata, terdapat penurunan kecil direkodkan dalam indeks harga seunit bahan ini di Kota Kinabalu (-0.7 peratus)

dan Kuching (-0.1 peratus).
Katanya, perbandingan tahunan bagi indeks harga seuntbesi pula menunjukkan penurunan antara -0.8 hingga -4.9 peratus bagi Mac 2024 berbandingbulan yang sama tahun lalu, dengan hanya Johor mencatatkan peningkatan 2.1 peratus.

"Bermula pada Januari 2024, Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan adalah diasaskan semula kepada Januari 2023" katanya.

